

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
(PULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2015

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bidang kuasa dan fungsi syarikat milik Kementerian Diperbadankan (MKD) serta milik Kementerian lain yang bertanggungjawab terhadap perumahan mampu milik dan adakah terdapat cadangan untuk mewujudkan syarikat tunggal yang bertanggungjawab terhadap rumah mampu milik bagi memastikan fokus Kerajaan menyediakan perumahan ini mencapai sasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Merujuk kepada usaha Kerajaan dalam menyediakan sejuta unit rumah mampu milik, terdapat pelbagai agensi yang terlibat seperti Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (BPPBPP, ICU), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA, ICU), Agensi-agensi Kerajaan Negeri, dan pemaju swasta.

SPNB sebagai syarikat milik penuh Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan sejak Ogos 1997 bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Menjelang tahun 2018, SPNB dijangka bakal menyediakan 100,493 unit rumah yang terdiri daripada tiga produk utama, iaitu Rumah Aspirasi Rakyat (RAR) Rumah Idaman Rakyat (RIR) dan Rumah Mesra Rakyat (RMR). Maklumat berkenaan ketiga-tiga produk tersebut adalah seperti berikut:

1. RUMAH ASPIRASI RAKYAT (RAR):

Berdasarkan Ucapan Bajet 2015 oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Oktober 2014 yang lalu, SPNB telah diberi tanggungjawab untuk membina 20,000 unit RAR. Anggaran setiap unit rumah adalah antara RM42,000 hingga RM80,000 bergantung kepada lokasi.

Sehingga kini, sebanyak 41 projek melibatkan 30,072 unit rumah telah diluluskan, 34 projek melibatkan 17,288 unit rumah telah siap dibina manakala 11 projek melibatkan 4,997 unit rumah sedang dalam pembinaan di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Syarat kelayakan pembeli hartanah Aspirasi yang dibangunkan

adalah tertakluk kepada kelayakan individu dan juga pembiaya kewangan yang terlibat. Namun begitu, SPNB akan mengkaji sekiranya terdapat keperluan untuk mempelbagaikan produk dan syarat kelayakan pembelian hartanah Aspirasi bagi memenuhi keperluan semasa dan golongan sasaran tertentu.

2. RUMAH IDAMAN RAKYAT (RIR):

SPNB juga menyediakan program Rumah Idaman Rakyat (RIR) dengan menawarkan pembangunan perumahan bercampur pada harga jualan rumah tidak melebihi RM250,000.

Program perumahan ini terbuka kepada semua golongan yang memenuhi syarat kelayakan tertentu tetapi keutamaan diberikan kepada pembeli rumah pertama, golongan kurang upaya dan ibu tunggal. Syarat-syarat kelayakan pembeli RIR adalah seperti berikut:

- Berumur 21 tahun ke atas; dan
- Pendapatan individu tidak melebihi RM7,500 atau pendapatan seisi rumah tidak melebihi RM10,000.

SPNB melaksanakan pembangunan RIR di atas tanah yang dikurniakan atau melalui usaha sama dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun atau Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

Berdasarkan Ucapan Bajet 2015 oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Oktober 2014 yang lalu, SPNB telah diberi tanggungjawab untuk membina 5,000 unit RIR.

Sehingga kini, terdapat 15 projek melibatkan 5,737 unit rumah telah mendapat kelulusan, 3 projek melibatkan 1,003 unit rumah berada di peringkat akhir kajian manakala 5 projek melibatkan 905 unit rumah sedang di dalam peringkat awal kajian.

3. RUMAH MESRA RAKYAT (RMR):

Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) pula diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif) tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah

sendiri yang sempurna dan selesa.

Perlaksanaan program RMR dibiayai melalui subsidi Kerajaan pada kadar RM15,000 hingga RM20,000 seunit di mana pembinaan RMR dilaksanakan di atas tapak pemohon sendiri. SPNB menawarkan reka bentuk menarik berkonsep rumah sesebuah berkeluasan 700 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi dengan komposisi dua bilik tidur dan dua bilik air serta tiga bilik tidur dan dua bilik air. Syarat-syarat kelayakan bagi program ini adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia yang berumur dari 18 tahun ke 60 tahun;
- Berkahwin atau ibu/bapa tunggal yang mempunyai tanggungan;
- Berpendapatan kasar seisi rumah di antara RM750 hingga RM3,000 sebulan;
- Tidak mempunyai rumah sendiri atau mempunyai rumah yang usang atau tidak sempurna; dan
- Mempunyai tapak/tanah yang sesuai dan tiada sekatan atau cagaran dan pemilik tanah memberi kebenaran untuk tanah untuk pembinaan atau gadaian.

Berdasarkan Ucapan Bajet 2015 oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Oktober 2014 yang lalu, SPNB telah diberi tanggungjawab untuk membina 12,000 unit RMR.

Sehingga kini, sebanyak 33,220 unit rumah RMR telah berjaya disiapkan, 2,531 unit rumah di dalam pembinaan manakala 35,751 unit rumah pula telah mendapat kelulusan untuk dibina.

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini, tiada cadangan untuk mewujudkan syarikat tunggal yang bertanggungjawab dalam pembinaan rumah mampu milik kerana setiap agensi mempunyai peranan, modus operandi serta gerak kerja yang berbeza dalam memastikan hasrat Kerajaan menyediakan sejuta rumah mampu milik tercapai dengan jayanya.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**
[PENGKALAN CHEPA]
TARIKH : **10 JUN 2015 [RABU]**
SOALAN : **51**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:

- a) berapa ramai saintis ulung yang telah dihasilkan negara mengikut bidang-bidang keperluan negara mengikut keutamaan; dan
- b) apakah jenis penciptaan saintis negara yang telah berjaya dihasilkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa mendorong pembangunan dan memanfaatkan kepakaran modal insan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) tempatan ke arah memastikan STI berkembang seiring dengan sasaran menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Kementerian melalui agensinya, Akademi Sains Malaysia (ASM) giat mengenalpasti dan juga memanfaatkan kepakaran modal insan STI

ulung yang mana dapat berfungsi sebagai '*think tank*' dan juga pemacu bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) negara. Mereka juga telah diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa dari pelbagai bidang R&D dan juga sektor yang merangkumi kepakaran dari institusi pengajian tinggi (IPT), pusat penyelidikan (*research institute*, RI) dan industri.

Sehingga kini, ASM telah melantik 309 orang felo dari pelbagai bidang yang selari dengan bidang keutamaan negara seperti berikut:

- (i) 57 orang felo dari bidang Perubatan dan Sains Kesihatan - selari dengan bidang keberhasilan utama ekonomi (NKEA) negara dalam bidang kesihatan;
- (ii) 66 orang felo dari bidang Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar - selari dengan NKEA dalam bidang pertanian; minyak sawit dan getah dan Teras Strategik RMKe-11 bagi menuju ke arah pertumbuhan hijau;
- (iii) 76 orang felo dari bidang Kejuruteraan dan Sains Komputer - selari dengan NKEA dalam bidang minyak, gas dan tenaga; elektronik dan elektrik; teknologi maklumat dan komunikasi; serta selari dengan bidang keberhasilan utama negara (NKRA) dalam mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar; dan mempertingkatkan pengangkutan awam bandar;
- (iv) 40 orang felo dari bidang Matematik, Fizik dan Sains Bumi -selari dengan NKEA dalam bidang elektronik dan elektrik; serta minyak, gas dan tenaga; serta selari dengan Teras Strategik

RMKe-11 bagi menuju ke arah pertumbuhan hijau yang menekankan pengurusan krisis dan bencana;

- (v) 34 orang felo dari bidang Sains Kimia - selari dengan NKEA negara dalam bidang minyak sawit dan getah; minyak, gas dan tenaga; serta selari dengan NKRA dalam mengurangkan jenayah; dan
- (vi) 36 orang felo dari bidang Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri - selari dengan NKEA dalam minyak sawit dan getah; serta selari dengan Teras Strategik RMKe-11 bagi merekayasa pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua,

Di antara penemuan dan penciptaan terpenting saintis ulung yang terdiri daripada para Felo ASM yang telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah seperti berikut:

- (i) Penciptaan gelas getah seismic untuk perlindungan bangunan dari gempa bumi, penggunaan getah bagi aplikasi *offshore* dan merevolusikan simen untuk kegunaan industri pembinaan. Teknologi ini telah digunapakai bagi pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang;
- (ii) Pembangunan bidang virologi perubatan dan penyakit berjangkit baru muncul (*emerging diseases*) seperti denggi dan pencegahan dan rawatan HIV / AIDS;

- (iii) Peningkatan hasil padi dan penghasilan padi yang mempunyai indeks gylcaemic rendah untuk pesakit kencing manis;
- (iv) Pembangunan industri sawit yang berasaskan teknologi hijau yang mengamalkan pengeluaran tanpa sisa (*zero waste*) yang telah digunakan di industri minyak kelapa sawit tempatan dan antarabangsa; dan
- (v) Teknologi cerucuk yang dikenali sebagai 'PILECON' dalam bidang kejuruteraan bangunan dan infrastruktur yang mampu mengurangkan pencemaran bunyi oleh industri pembinaan dalam dan luar negara.

Hasil penyelidikan saintis-saintis ulung yang dinyatakan telah memberikan sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui penjaan dan penyebaran ilmu serta peningkatan kecemerlangan saintifik ke arah keharmonian dan kesejahteraan sejagat.

Sekian, terima kasih.